

Diserahkan: 10 Mei 2025

Diterima: 5 Jun 2025

Atas Talian : 30 Jun 2025

## **MEDIA MADANI DALAM ERA INDUSTRI 5.0: INTEGRASI FALSAFAH ISLAM DAN TEORI KOMUNIKASI AWAM**

MEDIA MADANI IN THE INDUSTRY 5.0 ERA: INTEGRATING ISLAMIC

\*<sup>i</sup>Nur Kareelawati Abd Karim & <sup>ii</sup>Mohd Rushdan Mohd Jailani

<sup>i-ii</sup>Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Corresponding Author's e-mail: \*kareelawati@usim.edu.my

**DOI: <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v5.363>**

### **ABSTRAK**

Era Industri Media 5.0 menandakan satu paradigma baharu dalam ekosistem komunikasi global, di mana media berkembang menjadi agen pembentuk nilai, persepsi, dan orientasi ideologi. Namun begitu, pembangunan teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan algoritma media telah menimbulkan masalah etika yang ketara, terutamanya risiko bias algoritma dan manipulasi wacana awam, sekali gus menghalang aspirasi pembangunan masyarakat madani di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah untuk merumuskan Kerangka Media Madani yang mengintegrasikan falsafah etika Islam (*al-Madīnah al-Fāḍilah* oleh al-Fārābī) dan teori komunikasi kritikal (Habermas) bagi membina etika media yang inklusif dan berpusatkan insan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap dokumen falsafah Islam, teori komunikasi awam, dan laporan dasar-dasar digital terkini Malaysia. Hasil kajian mencadangkan model media madani berpandukan *maqāsid shāriah*, yang memerlukan ketelusan wacana serta kepimpinan yang berteraskan hikmah. Perbincangan mendapati bahawa model ini amat penting untuk mengatasi bias algoritma yang berpotensi menjejaskan integriti sosial dan keadilan dalam ruang awam digital. Kesimpulan utama ialah realisasi Media Madani menuntut lebih daripada kemajuan teknologi; ia memerlukan komitmen terhadap etika peradaban Islam dan rasionaliti komunikatif. Kajian ini menyarankan agar kerajaan, melalui Jabatan Digital Negara (JDN) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menguatkuasakan Perundangan dan dasar data beretika yang menekankan keperluan audit algoritma serta memperkukuh Literasi Algoritma dan Etika Digital dalam kalangan masyarakat.

**Kata Kunci:** literasi media, etika media, al-Fārābī, *maqāsid shāriah*

**ABSTRACT**

The Media Industry 5.0 era marks a new paradigm in the global communication ecosystem, where media has evolved into an agent for shaping values, perceptions, and ideological orientations. However, the development of AI technology and media algorithms has generated significant ethical issues, particularly the risk of algorithmic bias and public discourse manipulation, thereby hindering the aspiration to build a civil (*madani*) society in Malaysia. The main objective of this study is to formulate a Madani Media Framework that integrates Islamic ethical philosophy (*al-Madīnah al-Fāḍilah* by al-Fārābī) with critical communication theory (*Habermas*) to construct an inclusive and human-centred media ethic. This study employs a qualitative approach using policy document analysis of Islamic philosophical texts, public communication theory, and recent Malaysian digital policy reports. The findings propose a madani media model guided by *maqāsid shāriah*, requiring discourse transparency and leadership based on wisdom (*hikmah*). The discussion concludes that this model is crucial for overcoming algorithmic bias that potentially compromises social integrity and justice within the digital public sphere. The main conclusion is that the realisation of Madani Media requires more than technological advancement; it demands a commitment to Islamic civilisational ethics and communicative rationality. It is recommended that the government, through National Digital Department (JDN) and Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), enforces Ethical Data Legislation and Policy emphasising the need for algorithmic audits and strengthens Algorithmic Literacy and Digital Ethics among the public.

**Keywords:** media literacy, media ethics, al-Fārābī, *maqāsid shāriah*

**PENDAHULUAN**

Era Industri Media 5.0 merupakan evolusi signifikan dalam landskap komunikasi global. Ia bukan hanya bercirikan integrasi teknologi canggih seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* atau AI) dan Data Raya (*Big Data*), tetapi juga oleh penekanan terhadap nilai kemanusiaan (*human-centric*) dan kelestarian (MOSTI, 2023). Dalam konteks Malaysia, peralihan paradigma ini berlaku serentak dengan aspirasi negara untuk memperkukuh wacana Masyarakat Madani iaitu sebuah masyarakat yang adil, inklusif, dan berpaksikan nilai peradaban (Jabatan Digital Negara, 2025).

Industri Media memainkan peranan penting di mana ia bukan lagi sekadar penyalur maklumat, tetapi menjadi ejen pembentuk nilai, persepsi, dan orientasi ideologi masyarakat. Sebuah etika media yang kukuh hendaklah mampu membimbing masyarakat dalam ruang digital, justeru menjadi prasyarat bagi menjayakan aspirasi Masyarakat Madani. Dalam konteks Malaysia, gagasan Media Madani menuntut organisasi media agar menjadi ejen yang

memupuk kesejahteraan moral dan sosial, bukan hanya kemahiran teknikal. Hal ini mendesak pendekatan kajian yang menggabungkan falsafah etika Islam, teori komunikasi kritikal, dan kerangka kawal selia yang sedia ada (Miladi; 2021; Khadmi, 2021; Habermas 1989; Druart 2016; Kod Kandungan 2022).

Walaupun teknologi kecerdasan buatan menjanjikan kecekapan dan inovasi, ia turut mewujudkan cabaran etika yang serius dalam ekosistem media. Masalah utama berkisar pada bias algoritma dan manipulasi wacana awam (Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021). Apabila algoritma platform digital mengutamakan keuntungan dan keterlibatan (*engagement*) media sosial berbanding kebenaran dan keadilan, ia berisiko mengukuhkan polarisasi, menyebarkan maklumat palsu, dan menjejaskan hak serta peluang golongan rentan. Situasi ini secara langsung bertentangan dengan prinsip keadilan dan kebajikan umum (*al-sa'ādah*) yang menjadi tunjang kepada falsafah Islam dan juga teori ruang awam oleh Habermas (1989).

Malaysia telah mengambil langkah awal melalui dokumen dasar seperti Kod Kandungan 2025 yang menekankan keperluan pelabelan AI dan akauntabiliti kandungan (Forum Kandungan Malaysia, 2025b). Namun, kerangka etika yang mengikat dasar-dasar ini dengan nilai peradaban Islam masih belum dirumuskan secara holistik. Justeru, kegagalan menangani jurang etika media ini akan menghakis integriti sosial dan moral yang mendasari aspirasi masyarakat.

Skop kajian ini merangkumi integrasi tiga korpus utama: falsafah dan etika Islam (*al-Fārābī*), teori komunikasi awam (Habermas), dan dasar digital semasa Malaysia (MOSTI, JDN, Forum Kandungan Malaysia). Tujuannya adalah untuk mengenal pasti jurang amalan etika media digital sedia ada dengan prinsip ideal *al-Madīnah al-Fāḍilah*.

Hasil analisis dijangka memberi sumbangan signifikan dalam tiga aspek: pertama, dari sudut teori, ia menawarkan model integrasi naqli aqli yang menyatukan pemikiran peradaban Islam (*al-Madīnah al-Fāḍilah*) dengan teori kritikal Barat (Habermas) untuk menjelaskan etika media yang relevan di era AI. Kedua, dari perspektif dasar, Kerangka Media Madani yang dicadangkan boleh digunakan oleh penggubal dasar untuk merumuskan kerangka tadbir urus kecerdasan buatan (*AI Governance Framework*) dalam industri media 5.0 yang berakar umbi pada nilai-nilai keadilan sosial dan *maqāṣid shāriah*. Seterusnya, sumbangan yang ketiga adalah dari sudut praktikal di mana Kerangka Media Madani dapat

menyediakan asas kepada inisiatif literasi media dan etika digital dalam kalangan masyarakat Malaysia, terutamanya dalam meningkatkan kesedaran tentang bias algoritma.

### SOROTAN LITERATUR

Sorotan kajian terdahulu bertujuan untuk mengukuhkan asas gagasan Media Madani tebahagi kepada tiga: 1) falsafah *al-Madīnah al-Fāḍilah* oleh al-Fārābī, 2) etika media Islam berteraskan *maqāṣid al-sharī'ah*, dan 3) teori Ruang Awam Jürgen Habermas, yang seterusnya menilai cabaran bias algoritma dalam ekosistem Industri 5.0. Gabungan ketiganya menyediakan kerangka normatif (arah tujuan), prinsip operasional (mekanisme nilai-amalan), dan piawaian wacana (kualiti dialog awam) yang diperlukan untuk menilai dan membimbing amalan media digital kontemporari.

#### **Falsafah Al-Fārābī dan *Al-Madīnah Al-Fāḍilah***

Kerangka konsep Media Madani dalam kajian ini berakar umbi pada falsafah politik Islam klasik, khususnya visi Abū Naṣr al-Fārābī (meninggal dunia 950 Masehi) mengenai *al-Madīnah al-Fāḍilah* (Kota Berakhlak atau *The Virtuous City*). Formula *al-Madīnah al-Fāḍilah* adalah sebuah matlamat kesejahteraan sosial yang berorientasikan *al-sa'ādah* (kebahagiaan hakiki). Ia boleh dicapai melalui kepemimpinan berhikmah (*al-imām al-fāḍil*) sebagai penggilap akal budi, dan penggerak kerjasama sosial dalam menjamin kemaslahatan umum (Germann, 2016). Ia menolak konsep *al-madīnah al-jāhiliyyah* (Kota Jahil) yang memuliakan dorongan nafsu, kuasa, dan kepentingan politik yang sempit (Druart 2016; Germann 2016).

Diterjemahkan ke dalam konteks sosiologi media, idealisme *al-Madīnah al-Fāḍilah* ini menuntut agar institusi media berfungsi sebagai wahana pendidikan akal dan adab sosial, bukan semata-mata alat propaganda atau hiburan (Atsir Ahmad Salman et al. 2024). Secara normatif, tiga prinsip utama terserlah untuk ekosistem digital: pertama, hikmah dan adab sebagai asas keputusan editorial/produk sebagai penanda metrik capaian dengan implikasi moral dan sosial; kedua, kebenaran rasional sebagai kriteria pemilihan, penyuntingan, dan pengedaran kandungan; dan ketiga, tujuan kebajikan kolektif yang mengutamakan kesejahteraan khalayak (Khadmi, 2021; Miladi 2021; Abd Karim, 2019). Dalam konteks Industri 5.0, visi al-Fārābī dapat meletakkan inovasi digital supaya berpusatkan insan dan berorientasikan masalah umum, termasuk ketelusan pengagihan kandungan, akauntabiliti pemuka platform (*platfom interface*), serta reka bentuk dasar komuniti yang memupuk adab

wacana (Khadmi, 2021; Druart 2016; Germann 2016). Analisis ini meletakkan *al-Madīnah al-Fāḍilah* sebagai idealisme etika yang perlu dicapai oleh ruang awam digital dalam era Industri 5.0.

### **Etika Media Islam dan *Maqāṣid Sharī'ah***

Etika media Islam menawarkan panduan moral yang jelas untuk mengawal selia kandungan dan tingkah laku profesional dalam industri media dan komunikasi. Etika ini bukan hanya tertumpu pada pematuhan hukum syarak tetapi juga menekankan prinsip *maqāṣid shāriah* (objektif syariah) iaitu penjagaan lima perkara asas: agama (*dīn*), nyawa (*nafs*), akal (*aql*), keturunan (*nasl*), dan harta (*māl*) (Auda, 2008). Nouredine Khadmi (2021) menganalisis akar falsafah etika dalam media Islamik dengan membahaskan *Islamic worldview* dan nilai-nilai yang harus menjadi asas kewartawanan Islam. Nilai-nilai ini diringkaskan dalam beberapa prinsip seperti kejujuran, menyatakan kebenaran, kecekapan, kehendak bebas, integriti, dan mempromosi tingkah laku positif (Khadmi, 2021). Integrasi prinsip-prinsip ini dengan *maqāṣid shāriah* menjadi teras kepada model etika Media Madani. Etika media Islam berakar pada *maqāṣid al-sharī'ah* (penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta) berfungsi sebagai kompas nilai bagi amalan komunikasi dan tadbir urus platform (Khadmi 2021; Auda, 2008). Literatur kontemporari menekankan tiga aras saling bertaut:

Pertama, falsafah nilai (*ṣidq/kejujuran*, *amānah/akauntabiliti*, *‘adl/keadilan*, *ihsān/kebajikan*), perundangan dan kaedah *fiqh* (misalnya *dar’ al-mafṣadah dan jalb al-maṣlahah*), serta operasi media. Contohnya kod etika bilik berita, semak fakta berlapis, panduan konflik kepentingan, pendedahan penggunaan teknologi (Khadmi 2021).

Kedua, di peringkat amalan, *hiḏ al-‘aql* mengkehendaki verifikasi, ketepatan dan pencegahan penyebaran maklumat palsu (*dis/misinformation*); *hiḏ al-dīn* dan *hiḏ al-nasl* menuntut penghormatan maruah serta kepekaan terhadap kesucian agama dan nilai budaya setempat; sementara *hiḏ al-māl* menuntut keadilan ekonomi bagi pekerja kreatif serta penolakan model perniagaan dan periklanan yang merosakkan kemaslahatan awam (Khadmi 2021).

Bagi teknologi 5.0, integrasi *maqāṣid* dengan kitar hayat Kecerdasan Buatan (AI) daripada proses pemodelan data hingga ke aplikasi. Seluruh kitaran ini hendaklah mendorong amalan ketelusan penggunaan AI, penilaian impak algoritma, dan tadbir urus data (privasi, keselamatan, persetujuan), sekali gus mengubah kompas nilai kepada standard operasi yang

boleh diaudit dalam organisasi media (Forum Kandungan Malaysia, 2025a; Khadmi 2021; MOSTI, 2023).

### **Teori Ruang Awam Jürgen Habermas**

Kajian ini mengintegrasikan dimensi rasional dan kritikal komunikasi ke dalam kerangka Madani melalui teori Ruang Awam (*Public Sphere*) oleh Jürgen Habermas (1989). Habermas mentakrif Ruang Awam sebagai medan wacana warga siber yang terbuka, bebas hierarki, saksama, dan berpaksikan rasionaliti komunikatif. Ia menuntut amalan yang berteraskan persefahaman inter-subjektif melalui tuntutan kebenaran, ketulusan, dan kebolehsahan (Habermas, 1989). Meskipun teori ini sering dikritik kerana idealisme dan keterbatasannya dalam mengenalpasti asimetri kuasa, fungsinya sebagai standard normatif kritikal untuk menilai ekologi platform yang kini didominasi komunikasi strategik (pengoptimuman klik atau respon emosi) serta pengedaran kandungan (*content distribution*) yang ditentukan oleh algoritma (Habermas 1989).

Disepadukan dengan etika Islam, rasionaliti komunikatif yang disarankan oleh Habermas dapat menggemakan nilai *ṣidq* dan *amānah*. Manakala akses saksama pula mengangkat nilai keadilan (*‘adl*). Oleh itu, gagasan Media Madani memadankan piawai dialog Habermas dengan hikmah dan adab al-Fārābī serta *maqāṣid* sebagai asas reka bentuk ruang awam digital—meliputi ketelusan pengedaran, hak rayuan moderasi, label konteks, dan konflik berhemah terhadap kandungan berisiko (Habermas 1989; Khadmi 2021).

Dalam era digital, ruang awam tradisional telah beralih ke platform digital, yang kini didominasi oleh komunikasi strategik dan bias yang didorong algoritma. Justeru, elemen rasionaliti komunikatif Habermas perlu dipertahankan dan diadaptasi untuk menyokong prinsip kebenaran, kejujuran, dan keadilan yang dituntut oleh etika Islam. Model Media Madani berhasrat untuk menyatukan ideal rasionaliti ini dengan etika peradaban Al-Fārābī.

### **Isu Bias Algoritma dan Industri 5.0**

Peralihan kepada Industri Media 5.0 membawa ancaman serius kepada idea *al-Madīnah al-Fāḍilah* dan Ruang Awam Habermas, terutamanya melalui fenomena Bias Algoritma. Bias algoritma berlaku apabila sistem Kecerdasan Buatan (AI) membuat keputusan yang tidak adil atau sistematik dengan mendiskriminasi kumpulan tertentu. Ia berpunca daripada data latihan yang berat sebelah atau reka bentuk algoritma itu sendiri (Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021). Algoritma dapat menentukan kandungan yang dilihat, memupuk *filter bubbles* dan

polarisasi sosial, yang secara langsung mencabar matlamat *al-sa'ādah* (kebahagiaan kolektif) yang berasaskan perpaduan ummah. Kajian Kordzadeh dan Ghasemaghaei (2021) turut menegaskan bahawa bias ini berpotensi menjejaskan golongan rentan dan minoriti yang bertentangan dengan prinsip keadilan sosial Islam dan hak asasi manusia. Sistem algoritma yang mengutamakan keuntungan yang ekonomi perhatian (*attention economy*) yang berleluasa dalam kalangan pengengaruh (*influencers*) media sosial berbanding kebenaran. Isu ini berisiko melanggar prinsip penjagaan akal (*hifz al-'aql*) melalui penyebaran maklumat palsu dan mengganggu ketenteraman awam lantaran mementingkan jumlah *like* dan *engagement* di media sosial (Khadmi, 2021).

Penggubal dasar di Malaysia telah menyedari ancaman ini, dengan inisiatif seperti National AI Roadmap (MOSTI, 2023) dan Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam (JDN, 2025) yang menyeru kepada tadbir urus AI yang beretika. Kod Kandungan 2025 turut menyarankan agar pencipta kandungan telus dan bertanggungjawab untuk mengisytiharkan kandungan yang dijana AI bagi membendung penularan kandungan palsu (Forum Kandungan Malaysia, 2025b). Walau bagaimanapun, tanpa kerangka etika Media Madani yang terperinci yang menterjemahkan nilai *maqāṣid shāriah* ke dalam kawal selia AI, dasar-dasar ini mungkin gagal menangani jurang moral yang dicituskan oleh Industri 5.0.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif dengan kaedah utama Analisis Dokumen dan Kandungan Polisi. Memandangkan artikel ini bersifat konseptual-teoritikal dan bertujuan untuk membina model baharu, metodologi ini paling sesuai untuk menghasilkan Kerangka Media Madani iaitu melalui sintesis dan perbandingan silang disiplin antara falsafah, teori sosial, dan dasar kawal selia sedia ada.

### **Reka Bentuk Kajian: Pembangunan Kerangka Konseptual**

Pembangunan Kerangka Konseptual (*Conceptual Framework Development*) melalui sintesis literatur yang sistematik. Ia melibatkan integrasi tiga korpus pengetahuan yang berbeza untuk merumuskan satu kerangka normatif yang bersepadu: (1) Korpus Falsafah Etika Islam (*Al-Fārābī, Maqāṣid Sharī'ah*), (2) Korpus Teori Komunikasi Kritikal (Habermas), dan (3) Korpus Dasar Digital Semasa Malaysia (JDN, MOSTI, Kod Kandungan 2025). Tujuannya

adalah untuk mewujudkan dialog antara nilai peradaban Islam dengan keperluan tadbir urus teknologi kontemporari.

**Kaedah Pengumpulan Data: Analisis Dokumen**

Pengumpulan data adalah berasaskan dokumen berautoriti dan bersifat komprehensif. Dokumen-dokumen ini diklasifikasikan dan dianalisis sebagai data primer dan sokongan bagi membina dan mengesahkan Kerangka Media Madani. Jadual 1 menjelaskan secara ringkas sumber dan fungsi dokumen dalam kajian ini.

*Jadual 1: Ringkasan Sumber dan Fungsi Dokumen dalam Kajian*

JENIS DOKUMEN	SUMBER UTAMA	FUNGSI DALAM KAJIAN
<b>Falsafah/ Teoritikal</b>	Karya al-Fārābī ( <i>Al-Madīnah al-Fāḍilah</i> (1962; 1985), Druart (2016), Germann (2016); <i>Maqāsid Sharī'ah</i> (Auda, 2008), etika media Islam oleh Khadmi (2021), Habermas (1989), dan kajian bias algoritma (Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021).	Mendapatkan dan mengklasifikasikan nilai normatif teras ( <i>al-saā'dah, rasionaliti komunikatif, maqāsid shāriah</i> ) yang menjadi asas kepada tiang-tiang Kerangka Media Madani.
<b>Dasar Negara (AI/Digital)</b>	Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam (JDN, 2025; termasuk Tujuh Prinsip Etika AI), dan National AI Roadmap (MOSTI, 2023).	Menilai peruntukan etika, kawal selia, dan prinsip tadbir urus AI semasa untuk perbandingan kritikal dengan ideal etika Islam.
<b>Regulasi Media</b>	Kod Kandungan (2022), Draf Kerja Kod Kandungan 2025 (Forum Kandungan Malaysia, 2025)	Meneliti ketersediaan kerangka kawal selia media digital terkini dalam menangani isu bias AI, pelabelan, dan manipulasi kandungan.

### **Teknik Analisis Data: Analisis Tematik**

Data yang diekstrak daripada dokumen-dokumen ini dianalisis menggunakan teknik Analisis Tematik (*Thematic Analysis*). Walaupun Analisis Tematik biasanya diaplikasikan kepada data primer (seperti temu bual), dalam kajian konseptual, ia disesuaikan untuk mengenal pasti tema, konsep, dan corak berulang merentas korpus literatur yang pelbagai. Proses ini melibatkan tiga fasa utama:

Fasa pertama, Pengekoden Terbuka (Pengenalpastian Tema Teras): Dokumen falsafah, etika, dan teori dikodkan untuk mengenal pasti tema utama yang berulang. Contohnya, tema seperti Kebahagiaan/*Sa'ādah*, Kebenaran/*Truth*, Keadilan/*Fairness*, dan Rasionaliti/*Communicative Rationality* dikenal pasti sebagai tema konseptual yang membina Kerangka Media Madani.

Fasa kedua, Pengekoden Berfokus dan Pemetaan Kandungan Polisi: Pengekoden difokuskan kepada peruntukan spesifik dalam dasar negara (Korpus 2 dan 3) untuk memetakan bagaimana tema-tema teras yang dikenal pasti (dari Korpus 1) diterjemahkan atau hilang dalam dokumen dasar. Contohnya, pemetaan menunjukkan Kebenaran diterjemahkan kepada ketelusan dan pelabelan dalam Kod Kandungan 2025.

Fasa ketiga, Analisis Tematik Kritis (Sintesis dan Jurang): Tema-tema yang dipetakan kemudian disintesis secara kritis. Fasa ini melibatkan analisis jurang (seperti yang dibincangkan dalam Bahagian 4.0) untuk menilai sama ada tema teknikal dalam dasar negara (ketelusan/*transparency*, JDN 2025) berjaya mencapai matlamat falsafah (contohnya., *Hifz al-Aql*). Hasilnya ialah Kerangka Media Madani yang berfungsi sebagai tema payung baharu (*overarching theme*) yang mengintegrasikan falsafah, etika, dan dasar.

Melalui penerapan Analisis Tematik yang berstruktur ini, kajian ini mampu membina kerangka konsep yang kukuh dan memberikan cadangan dasar yang berpandukan etika bagi mengatasi cabaran media digital kontemporari.

### **HASIL KAJIAN: KERANGKA MEDIA MADANI**

Kerangka Media Madani diusulkan sebagai model integratif untuk membimbing etika dan tadbir urus komunikasi digital dalam konteks Industri Media 5.0, di mana teknologi Kecerdasan Buatan (AI) merupakan daya penggerak utama. Kerangka Media Madani tidak

sekadar menambah prinsip etika teknikal, tetapi bertujuan menyediakan lapisan etika peradaban yang memastikan tujuan komunikasi digital selaras dengan aspirasi Masyarakat Madani di Malaysia. Model ini distrukturkan di atas tiga tiang falsafah-teoritikal yang berfungsi secara hierarki: asas falsafah, prinsip etika teras, dan mekanisme komunikasi.

### **Asas Falsafah: Orientasi Kebajikan Awam (*Al-Madīnah Al-Fāḍilah*)**

Tiang pertama Kerangka Media Madani adalah Orientasi Kebajikan Awam (*Public Virtue Orientation*) yang diterjemahkan daripada visi Al-Fārābī mengenai *al-Madīnah al-Fāḍilah* (Kota Berakhlak). Dalam falsafah Al-Fārābī, matlamat tertinggi kehidupan sosial dan politik ialah mencapai *al-sa'ādah* (kebahagiaan hakiki) yang dicapai melalui kerjasama dan kehidupan rasional, di bawah kepimpinan yang berhikmah (*al-Imam al-Fāḍil*) (Atsir Ahmad Salman et al., 2024). Dalam konteks media, Orientasi Kebajikan Awam menetapkan bahawa fungsi teknologi dan kandungan media mestilah berorientasikan kepada kemaslahatan moral, intelektual, dan sosial masyarakat, bukan semata-mata didorong oleh keuntungan pasaran atau metrik *engagement* media sosial yang dangkal. Kegagalan mematuhi orientasi ini akan menjerumuskan masyarakat kepada *al-madīnah al-jāhiliyyah* digital, yang bercirikan ketidakadilan, kebodohan, dan tenggelam dalam polarisasi maklumat. Asas falsafah ini berfungsi sebagai tujuan akhir yang harus dicapai oleh setiap keputusan tadbir urus dan reka bentuk AI dalam ekosistem media.

### **Prinsip Etika Teras: Landasan Nilai (*Maqāṣid Sharī'ah*)**

Tiang kedua Kerangka Media Madani adalah Prinsip Etika Teras yang berfungsi sebagai penapis moral bagi kandungan media dan fungsi teknologi kecerdasan buatan (AI). Prinsip ini berlandaskan kepada *Maqāṣid Sharī'ah* (Tujuan Syariah), yang menjadi kerangka ideal bagi etika media Islam (Auda, 2008; Khadmi, 2021). Dalam konteks digital, tiga *maqāṣid* adalah sangat relevan:

- 1) *Hifz al-'Aql* (Penjagaan Akal): Prinsip ini menuntut media untuk mematuhi nilai kebenaran dan ketelusan. Ia secara langsung menentang penyebaran kandungan yang tidak benar, mengelirukan, atau direka-reka (Forum Kandungan Malaysia, 2025), serta menggesa agar pengguna sedar tentang bagaimana algoritma mempengaruhi pandangan mereka. Ini melangkaui pelabelan AI kepada tuntutan etika yang lebih mendalam untuk menjaga integriti pemikiran kolektif.

2) *Hifz al-Nafs* (Penjagaan Diri dan Maruah): Prinsip ini mendukung Keadilan dan Kesaksamaan. Ia bertegas bahawa sistem AI dalam media tidak boleh menyebabkan diskriminasi atau membahayakan maruah individu melalui eksploitasi data atau *deepfake* yang berbahaya. Ia selaras dengan Prinsip Keadilan (*Fairness*) dan Keterangkuman (*Inclusiveness*) (JDN, 2025), namun memberikan justifikasi etika yang lebih mendalam dari sudut perlindungan maruah insan.

3) *Hifz al-Dīn* (Penjagaan Agama dan Perpaduan): Prinsip ini menuntut media dan AI berfungsi sebagai alat untuk memelihara kesucian Islam dengan memperkukuh akidah serta perpaduan dan ketenteraman awam. Ia melarang penggunaan media untuk menggalakkan ekstremisme dalam beragama, polarisasi ideologi, atau kebencian yang memecah belahkan masyarakat. Kesemua ini sering didorong secara tidak sengaja oleh model algoritma AI yang mengoptimumkan *engagement* dalam media sosial (Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021).

### **Mekanisme Komunikasi: Wacana Rasional (Rasionaliti Komunikatif)**

Tiang ketiga Kerangka Media Madani ialah menyediakan mekanisme operasional untuk mencapai matlamat *al-sa'ādah* melalui medium komunikasi, iaitu adaptasi Teori Ruang Awam oleh Jürgen Habermas (1989). Kerangka Media Madani mendesak agar platform digital diiktiraf sebagai Ruang Awam Beretika di mana Rasionaliti Komunikatif—perbincangan berasaskan hujah yang bernas dan bertujuan mencari kesefahaman—mesti berfungsi. Mekanisme ini memerlukan:

Pertama, Ketelusan Algoritma Berfungsi: Ini adalah lanjutan kepada prinsip Ketelusan (*Transparency*) (Jabatan Digital Negara, 2025). Ia menuntut pengguna berupaya memahami mengapa sesuatu kandungan diutamakan dan mengapa naratif tertentu perlu ditingkatkan.

Kedua, Literasi Algoritma: Masyarakat mesti dilengkapi dengan ilmu *algorithmic literacy* dan etika digital yang tinggi agar mereka dapat bertindak sebagai *Madani Communicator*—iaitu pengguna yang mampu membuat keputusan rasional dan menapis maklumat berbias, seperti yang dituntut oleh wawasan Habermas.

Secara keseluruhannya, Kerangka Media Madani berfungsi sebagai sistem timbang tara tiga serangkai yang memastikan sebarang inovasi teknologi AI dalam Industri Media 5.0 sentiasa ditapis oleh Prinsip Etika Teras (*Maqāsid Sharī'ah*) dan diorientasikan kepada Asas Falsafah

(*al-Madīnah al-Fāḍilah*). Sekali gus ia membolehkan pembinaan ruang awam digital yang beretika, inklusif, dan berpusatkan insan, selaras dengan visi Malaysia Madani.

### PERBINCANGAN

Kesimpulan utama kajian ini ialah realisasi Media Madani dalam era Industri 5.0 menuntut lebih daripada kemajuan teknologi; ia memerlukan komitmen terhadap etika peradaban Islam dan rasionaliti komunikatif. Kerangka Konseptual Ke Arah Media Madani telah berjaya diwujudkan sebagai model integratif, yang berakar pada Asas Falsafah *al-Madīnah al-Fāḍilah* (Al-Fārābī) bagi tujuan mencapai Orientasi Kebajikan Awam (*al-sa'ādah*), disokong oleh Prinsip Etika Teras yang dipandu oleh *Maqāṣid Sharī'ah* (Auda, 2008; Khadmi, 2021). Integrasi ini secara kritikal melengkapi Prinsip Etika AI Negara (JDN, 2025) dengan dimensi moral peradaban, khususnya dalam menangani jurang falsafah yang ditimbulkan oleh teknologi AI. Perbincangan mendapati bahawa tanpa pengawasan etika yang ketat, isu bias algoritma (Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021) berpotensi besar untuk menghakis asas Keadilan dan Ketelusan yang diperlukan untuk wacana awam yang sihat (Habermas, 1989), sekali gus menggagalkan aspirasi pembinaan masyarakat Madani. Oleh itu, Kerangka Media Madani adalah satu keperluan normatif untuk menterjemahkan tuntutan Masyarakat Madani kepada dasar kawal selia teknologi yang praktikal dan beretika. Ia melangkaui pelabelan kandungan AI yang diperuntukkan dalam Kod Kandungan 2025 (Content Forum of Malaysia, 2025a).

### SARANAN

Berdasarkan penemuan kajian dan cabaran kritikal Bias Algoritma yang dibincangkan, tiga saranan utama yang bersifat strategik dan praktikal diusulkan bagi memperkukuh pelaksanaan Kerangka Media Madani:

#### 1. Penguatkuasaan Kerangka Tadbir Urus AI Berteraskan *Maqāṣid Sharī'ah*

Perundangan dan Polisi Data Beretika perlu diperkasakan untuk memastikan teknologi digital menyokong prinsip keadilan sosial. Audit Algoritma Mandatori oleh Jabatan Digital Negara dan pihak berkuasa yang berkaitan perlu mewajibkan audit algoritma secara berkala, terutamanya bagi sistem AI yang membuat keputusan atau mempengaruhi kandungan secara besar-besaran (termasuk media sosial dan sektor awam). Audit ini mesti menilai secara jelas

dengan memastikan kepatuhan kepada prinsip keadilan dan ketelusan, bagi menjamin pemeliharaan akal dan harta (Maqāṣid).

Integrasi Kod Etika AI dalam semua dokumen dasar digital negara, termasuk Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam dan Content Code 2025, perlu menggariskan prinsip bahawa AI mesti digunakan untuk mencapai kemaslahatan awam dan tidak boleh mempromosikan kandungan yang berat sebelah atau mengeksploitasi golongan rentan.

## 2. Peningkatan Program Literasi Algoritma dan Media Kritis

Usaha pendidikan harus beralih daripada sekadar literasi digital kepada Literasi Algoritma, selaras dengan penekanan Al-Fārābī terhadap akal (intelekt) sebagai tunjang masyarakat berakhlak.

Pendidikan Kritis untuk para pengguna perlu dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC). Ia boleh disalurkan melalui modul yang mengajar masyarakat, terutamanya generasi muda, untuk memahami bagaimana sistem cadangan dan pintu kawalan algoritma berfungsi, cara ia membentuk pandangan dunia mereka, dan mekanisme untuk mengelakkan gelembung penapis (*filter bubbles*).

Latihan Profesional Etika AI yang berterusan kepada profesional media, pengamal AI, dan pembuat dasar mengenai etika Islam dan teori komunikasi Habermas untuk memupuk rasionaliti komunikatif dan kebolehtelusan dalaman.

## 3. Penubuhan Konsortium Etika Media Madani

Mewujudkan satu platform kerjasama formal untuk memastikan pembangunan etika media digital adalah kolektif dan inklusif.

Gandingan *Quadruple Helix* melalui penubuhan konsortium yang melibatkan Kerajaan, Industri (syarikat teknologi, platform media), Akademik (pakar sains data, etika, pengajian Islam), dan Masyarakat Sivil (termasuk tokoh agama, pengengaruh dan NGO). Penggubalan Kerangka Tadbir Urus Bersama Konsortium ini berfungsi untuk membangunkan Kerangka Tadbir Urus AI (AI Governance Framework) yang responsif kepada cabaran tempatan, berdasarkan nilai-nilai hikmah dan kesejahteraan insan yang dianjurkan oleh Kerangka Media Madani yang disintesis dalam kajian ini.

Saranan ini menyelaraskan kompas normatif *al-sa'ādah* dan *hikmah* (al-Fārābī) dengan piawai rasionaliti komunikatif (Habermas) dan prinsip *maqāṣid* yang boleh diaudit dalam amalan. Pelaksanaan berfasa dan metrik jelas akan membantu menutup jurang nilai-operasi platform sambil memastikan ekosistem media 5.0 kekal berpusat kepada pembangunan insan, adil dan beradab (Druart, 2016; Germann, 2016; Habermas, 1989; Khadmi, 2021; Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021; MOSTI, 2023; Jabatan Digital Negara, 2025; Forum Kandungan Malaysia, 2022;2025).

### KESIMPULAN

Makalah ini membentangkan Kerangka Media Madani sebagai jawapan bersepadu terhadap cabaran etika komunikasi digital dalam era Industri 5.0. Kerangka Media Madani menyandarkan tiga tiang utama yang saling mengukuhkan: orientasi kebajikan awam berasaskan *al-Madīnah al-Fāḍilah* (al-Fārābī) sebagai kompas normatif; prinsip etika teras yang menterjemah *maqāṣid al-sharī'ah* ke standard operasi yang boleh audit dalam organisasi media dan platform; serta mekanisme wacana rasional (Habermas) sebagai piawai reka bentuk ruang awam digital yang telus dan inklusif (Druart, 2016; Germann, 2016; Habermas, 1989; Auda, 2008; Khadmi, 2021). Sintesis ini menghubungkan nilai peradaban dengan amalan operasional, lalu menutup jurang antara kerangka dasar nasional dan realiti teknikal platform.

Secara empirikal-konseptual, sorotan dan analisis dokumen menunjukkan bahawa bias algoritma yang berpunca daripada data berat sebelah, objektif pengoptimuman dan reka bentuk model telah menjejaskan keadilan capaian, memupuk polarisasi, serta mengutamakan engagement berbanding kebenaran (Kordzadeh & Ghasemaghaei, 2021). Kerangka ini mengemukakan pelbagai instrumen mitigasi yang sejajar dengan inisiatif kebangsaan, namun menambah dimensi etika peradaban: Penilaian Impak Algoritma (PIA), ketelusan penggunaan AI di peringkat kandungan dan proses, tadbir urus data beramanah, dan literasi algoritma untuk profesional serta khalayak. Keseluruhan dapatan menegaskan bahawa merealisasikan Media Madani menuntut lebih daripada inovasi teknologi: ia memerlukan komitmen substantif kepada rasionaliti komunikatif, akhlak, dan keadilan sebagai asas tata kelola media dan platform.

## PENUTUP

Kajian ini telah merumuskan Kerangka Media Madani yang bersifat integratif dan holistik, selaras dengan objektif kajian. Kerangka ini didirikan di atas dua paksi utama: yang pertama, akar falsafah etika Islam melalui visi *al-Madīnah al-Fāḍilah* (Kota Berakhlak) oleh Al-Fārābī dan prinsip *Maqāṣid Sharī'ah* (menekankan pemeliharaan agama, akal, jiwa, keturunan, dan harta); dan yang kedua, keperluan rasionaliti dan ketelusan wacana awam dari teori komunikasi kritikal Jürgen Habermas. Integrasi ini menyediakan panduan praktikal untuk mentransformasikan ekosistem komunikasi Malaysia dalam Era Industri Media 5.0.

Walau bagaimanapun, selari dengan perbincangan utama dalam kajian ini, didapati bahawa cabaran paling signifikan dan mendesak dalam merealisasikan aspirasi Media Madani adalah isu Bias Algoritma (*Algorithmic Bias*). Analisis menunjukkan bahawa sistem algoritma Kecerdasan Buatan (AI) yang kurang telus, jika dibiarkan tanpa pengawasan etika yang ketat, secara langsung akan bertentangan dengan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* dan rasionaliti komunikatif. Antara implikasi utamanya ialah:

Pertama, ancaman terhadap keadilan sosial. Bias algoritma berisiko mengukuhkan prasangka sedia ada, menyekat akses maklumat yang adil, dan memanipulasi persepsi awam, sekali gus menghakis prinsip kebajikan umum (kemaslahatan) yang dituntut dalam falsafah Madani.

Kedua, kerosakan integriti wacana awam. Sistem cadangan AI (seperti yang digunakan dalam media sosial) membentuk *filter bubbles* yang merosakkan wacana awam (Habermas), menjadikan dialog rasional dan inklusif sukar dicapai.

Kejayaan Malaysia dalam membina masyarakat madani melalui media tidak akan tercapai hanya dengan pengadaptasian teknologi AI (Industri 5.0), tetapi mestilah melalui integrasi etika, akauntabiliti, dan nilai-nilai berpusatkan insan ke dalam reka bentuk teknologi itu sendiri.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YADIM Research Management Centre (YRMC) atas sokongan yang memungkinkan penulisan dan pembentangan kertas kerja ini dalam Seminar Antarabangsa Peradaban Islam dan Ketamadunan Malaysia

(SPIKEM) bertemakan “Kelestarian Insan Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat Madani” pada 7 Mei 2025 Universiti Malaysia Sabah.

## RUJUKAN

- Al-Fārābī, A.N. (1962). Attainment [of Happiness] in Philosophy of Plato and Aristotle. (M. Mahdi, Terjemahan). Free Press, hlm. 13–50.
- Al-Fārābī, A.N. (1985). On the Perfect State (*Mabādi’ ārā’ ahl al-madīnat al-fāḍilah*). (R. Walzer, Terjemahan). Clarendon Press.
- Atsir Ahmad Salman, M. F. Pramono, A. R. Kusuma, & I. M. Alfiansyah. (2024). Konsep Kesejahteraan Politik Al-Fārābī. *AL-AFKAR: Journal for Islamic Studies*, 7(4), 415-425. [https://al-afkar.com/index.php/Afkar\\_Journal/article/view/1134](https://al-afkar.com/index.php/Afkar_Journal/article/view/1134)
- Auda, J. (2008). *Maqāṣid Sharī‘ah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. London & Washington: The International Institute of Islamic Thought (IIIT).  
[https://www.muslim-library.com/dl/books/English\\_Maqasid\\_alShariah\\_as\\_Philosophy\\_of\\_Islamic\\_Law\\_A\\_Systems\\_Approach.pdf](https://www.muslim-library.com/dl/books/English_Maqasid_alShariah_as_Philosophy_of_Islamic_Law_A_Systems_Approach.pdf)
- Druart, T. A. (2016). *Al-Fārābī*. Dalam E. N. Zalta (Penyunting), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (ed. Musim Panas 2016). California: Stanford University.
- Forum Kandungan Malaysia (2022). *Kod Kandungan 2022* (Edisi Ketiga). Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia. <https://contentforum.my/wp-content/uploads/2023/11/Kod-Kandungan-2022-Edisi-Ketiga-30-Mei-2022.pdf>
- Forum Kandungan Malaysia (2025a). *Content Code 2025* (Fourth Edition). Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia. (Proses Semakan)
- Forum Kandungan Malaysia. (2025b). *Executive Summary of Revisions. Content Code 2025* (Fourth Edition) Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia.
- Germann, N. (2016). Al-Fārābī’s Philosophy of Society and Religion. Dalam E. N. Zalta (Penyunting), *The Stanford Encyclopedia of Philosophy* (ed. Musim Panas 2016). California: Stanford University.
- Habermas, J. (1989). *The Structural Transformation of the Public Sphere: An Inquiry into a Category of Bourgeois Society*. Cambridge: MIT Press.
- Jabatan Digital Negara. (2025). *Garis Panduan Pengadaptasian AI Sektor Awam* (Prinsip Etika AI). Putrajaya. <https://www.jdn.gov.my/garis-panduan-pengadaptasian-ai-sektor-awam/>

- Khadmi, N. (2021). Philosophical roots of media ethics in the Islamic tradition. Dalam N. Miladi, N. (Penyunting). (2021). *Global Media Ethics in the Digital Revolution* (hlm. 122–136). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003203551-7>
- Kordzadeh, N., & Ghasemaghaei, M. (2021). Algorithmic bias: review, synthesis, and future research directions. *European Journal of Information Systems*, 31(3), 388–409. <https://doi.org/10.1080/0960085X.20>
- Miladi, N. (2021). *Global Media Ethics in the Digital Revolution*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003203551-7>
- MOSTI. (2023). *National Artificial Intelligence (AI) Roadmap 2021–2025*. Putrajaya: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. <https://www.mosti.gov.my/berita/malaysias-national-artificial-intelligence-ai-roadmap-2021-2025/>
- Nur Kareelawati Abd Karim (2019). Doing Emotional Labour in the Fourth Industrial Revolution (4IR): is Religious Television a Humanised Workplace? *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), hlm. 379-396. <https://journalarticle.ukm.my/13187/>